



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 5/2023**

**KUASA MELULUS PERMOHONAN PECAH SEMPADAN TANAH DI BAWAH
SEKSYEN 135, KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai kuasa melulus permohonan pecah sempadan tanah di bawah seksyen 135, Kanun Tanah Negara (Akta 828)(KTN).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Subseksyen 135(2), KTN memperuntukkan bahawa kuasa untuk meluluskan permohonan pecah sempadan tanah adalah seperti berikut:

2.1.1. Pengarah Tanah dan Galian Negeri bagi hakmilik yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran; dan

2.1.2. Pentadbir Tanah bagi hakmilik yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah,

tertakluk kepada ketiadaan arahan yang berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) pada 22 November 1995 melalui Kertas Mesyuarat No: 2492/1995 telah mengambil keputusan supaya kelulusan permohonan pecah sempadan tanah di bawah seksyen 135, KTN dipertimbangkan dan diluluskan oleh MMKNS.

2.3. Keputusan MMKNS ini telah dimaklumkan dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) Bil 4/1995 berkaitan garis Panduan Memproses Permohonan Pembangunan Tanah Di Bawah KTN 1965 yang telah dikeluarkan pada 22 Disember 1995. Walau bagaimanapun Pekeliling PTGNS Bil 4/1995 ini telah dibatalkan pada 30 April 2012.

3. PELAKSANAAN

Keputusan MMKNS pada pada 22 November 1995 melalui Kertas Mesyuarat No: 2492/1995 masih kekal dan kelulusan permohonan pecah sempadan tanah di bawah seksyen 135, KTN dipertimbangkan dan diluluskan oleh MMKNS.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling ini berkuatkuasa dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(**MARLIA BINTI MOHD BELIA**)

Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : **25** Mei 2023

Rujukan : Bil (11) dlm.PTGNS 10/14 klt.6